

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: 19 Mac 2017 16:54
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: Manager's Coffee Inisiatif UUM Jana Pendapatan, Latih Pelajar Jadi Usahawan



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



19 MAC 2017 / 20 JAMADILAKHIR 1438H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media
Gambar oleh: Hairul Nizam Zahari

MANAGER'S COFFEE INISIATIF UUM JANA PENDAPATAN, LATIH PELAJAR JADI USAHAWAN



UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) mengorak satu langkah lagi ke hadapan dalam usahanya untuk menjana pendapatan sendiri dan tidak terlalu bergantung kepada peruntukan kerajaan dengan melancarkan Restoran Manager's Coffee.

Restoran Manager's Coffee di bawah Manager's Coffee Sdn Bhd yang mula beroperasi tahun lalu di UUM bakal menjadi peneraju perniagaan kopi yang menawarkan kopi asli dan menu-menu popular Malaysia pada harga yang berpatutan di samping penajaan pendapatan untuk UUM.

Perasmian *outlet* pertama Restoran Manager's Coffee yang terletak di Foyer Perpustakaan Sultanah Bahiyah itu disempurnakan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, YBhg. Tan Sri Siti Sa'diah Sheikh Bakir, sempena sambutan Hari Pengasasan UUM ke-33 tengah hari tadi.

Tan Sri Siti Sa'diah berkata dengan adanya kemudahan seperti Restoran Manager's Coffee, EDC Hotels and Resorts, Bistro Mayang Sari, Academia Lounge, Academia Café & Bistro UUMKL, Varsity Mall dan fasiliti-fasiliti lain bukan sahaja menyediakan tempat makan yang selesa, tetapi turut menjadi 'lab' untuk melatih pelajar UUM dan juga pelajar luar dalam bidang berkaitan di samping mampu menjana pendapatan kepada UUM.

Manager's Coffee Sdn Bhd adalah syarikat milik penuh Uniutama Management Holdings Sdn Bhd (UMHSB) iaitu syarikat milik sepenuhnya oleh UUM dan ia telah diperbadankan pada 22 Mei 2016 yang bertujuan untuk menjadi syarikat peneraju perniagaan kopi atas jenama Manager's Coffee.

Projek pembangunan usahawan pelajar di bawah Institut Pembangunan Keusahawanan & Koperasi (CEDI) ini merupakan program inkubator francais pelajar dan juga penjana pendapatan kepada UUM.

Manager's Coffee turut berhasrat mendapat status francais selepas tiga (3) tahun beroperasi dan dengan demikian boleh memfrankaikan perniagaan ini kepada graduan-graduan UUM yang telah dilatih di dalam program ini.

Hadir sama pada pelancaran tersebut, Naib Canselor, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak, Ahli-ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti dan pegawai-pegawai UUM.

Turut hadir Datuk Redzuawan Ismail atau lebih dikenali sebagai Chef Wan, selebriti chef tersohor Malaysia yang telah dilantik sebagai Profesor Adjung Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Alam Sekitar (SHEM), UUM.

Datuk Chef Wan turut menunjukkan demonstrasi masakan resepi istimewa, "Ayam Panggang Percik Chef Wan" yang akan menjadi 'signature dish' Restoran Manager's Coffee.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.